

# HIRUDOID CREAM®

Mucopolysaccharide polysulphate (300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hirudoid cream
2. Bagaimana Hirudoid cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hirudoid cream
4. Cara menggunakan Hirudoid cream
5. Semasa menggunakan Hirudoid cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hirudoid cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Hirudoid cream

Hirudoid cream digunakan sebagai rawatan topikal untuk kecederaan fizikal dengan atau tanpa lebam, keradangan urat dan pembekuan darah dalam urat serta keradangan urat varikos.

## Bagaimana Hirudoid cream berfungsi

*Mucopolysaccharide polysulfate* iaitu bahan aktif dalam Hirudoid cream mengurangkan pembentukan darah beku, mengelakkan pembekuan darah daripada membesar dan melegakan keradangan.

## Sebelum menggunakan Hirudoid cream

### - Bila tidak boleh menggunakan

Hirudoid cream tidak boleh digunakan jika anda mempunyai hipersensitiviti (alaham) terhadap bahan-bahan yang disenaraikan dalam bahan-bahan, terutamanya paraben.

Hirudoid cream tidak boleh digunakan atas luka yang berdarah atau terjangkit.

## Mengandung dan menyusukan anak

Tiada laporan mengenai kesan buruk atas anak yang belum dilahirkan atau bayi apabila *chondroitin polysulfate (mucopolysaccharide polysulphate)* digunakan pada wanita hamil atau yang sedang menyusu anak.

### - Sebelum menggunakan Hirudoid cream

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami alahan kepada sebarang ubat-ubatan, makanan, bahan-bahan pengawet atau bahan pewarna.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Hirudoid cream

### - Berapa banyak harus digunakan

Hirudoid cream digunakan pada kawasan yang terlibat. Ia boleh digunakan dengan lebih kerap jika diperlukan. Bergantung kepada saiz kawasan yang dirawat, panjang 3 hingga 5 cm krim biasanya mencukupi.

Hirudoid cream diurut ke dalam kulit secara perlahan-lahan. Krim ini disapukan dengan berhati-hati di kawasan yang terlibat bagi kes keradangan yang menyakitkan. Hirudoid cream juga sesuai untuk krim dressing.

### - Bila perlu digunakan

Hirudoid cream digunakan pada kawasan yang terlibat selama 2-3 kali sehari. Ia boleh digunakan dengan lebih kerap jika diperlukan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Hirudoid Forte Cream mengikut cadangan doktor anda.

Tempoh rawatan biasa untuk kecederaan fizikal tumpul (trauma) adalah sehingga 10 hari dan satu hingga dua minggu untuk keradangan urat darah cetek dan dua hingga enam minggu untuk vena varikos.

Sila berbincang dengan doktor anda jika anda mendapat kesan Hirudoid Cream terlalu kuat atau terlalu lemah.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Walau bagaimanapun, jika ia hampir masa untuk aplikasi seterusnya, abaikan aplikasi yang terlepas.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Kelebihan dos Hirudoid cream tidak dilaporkan selama ini.

## Semasa menggunakan Hirudoid cream

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Hirudoid cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

# HIRUDOID CREAM®

Mucopolysaccharide polysulphate (300mg)

## - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Hirudoid cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

## - Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan daripada terkena mata atau membran mukus.

Cetostearyl alcohol dan wool wax alcohol ointment boleh menyebabkan kegatalan kulit serantau (contohnya dermatitis).

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan Hirudoid cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mendapat kesan.

### - Gangguan sistem imun

Methyl parahydroxybenzoate, propyl parahydroxybenzoate boleh menyebabkan tindak balas hipersensitiviti, termasuk tindak balas jenis lewat.

### - Masalah kulit

Dalam kes-kes individu, tindak balas hipersensitiviti tempatan seperti kemerahan pada kulit, boleh berlaku. Walau bagaimanapun ia biasanya reda dengan cepat selepas anda berhenti menggunakan produk.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika apa-apa kesan sampingan menjadi semakin serius, atau jika anda notis apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini,

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Hirudoid cream

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering pada suhu bawah 30°C.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Krim putih, berkilat, seragam dengan bau tertentu.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: Mucopolysaccharide polysulfate  
- Bahan tidak aktif: Glycerin, Stearic acid, Wool wax alcohol ointment, Emulsifying cetostearyl alcohol, Myristyl alcohol, Isopropyl alcohol, Potassium hydroxide, Methyl parahydroxybenzoate, Thymol, Propylparahydroxybenzoate, Purified water.

### - Nombor MAL

MAL11070014X

## Pengilang

OLIC (Thailand) Limited  
166 Moo 16, Bangpa-In Industrial Estate,  
Udomsorayuth Road, Bangpa-In District,  
Ayutthaya Province, , THAILAND

## Pemegang Pendaftaran Produk

B-11-01, The Ascent, Paradigm  
No.1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya,  
47301 Petaling Jaya, Selangor,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

23/05/2017

## Nombor Siri

BPFK(R4/1)08052017/00094